

**Agong Lancar Buku Biografi Baginda Bertajuk 'The Return'
Bernama
29 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Yang di- Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan melancarkan buku 'The Return' yang mengisahkan biografi Seri Paduka, satu-satunya Sultan yang dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali dalam sejarah negara.

Turut berangkat di majlis di Istana Negara pada Rabu malam ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Buku setebal 226 muka surat berbahasa Inggeris itu ditulis oleh anggota kerabat diraja Kedah, Tunku Datuk Dr Sofiah Jewa dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia. Buku itu memaparkan sejarah hidup dan pemikiran Tuanku Abdul Halim sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kelima dan ke-14 negara.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim menjunjung kasih kepada Seri Paduka dan Raja Permaisuri kerana berkenan mencemar duli melancarkan buku itu.

Rais berkata buku tersebut adalah sebuah karya, coretan dan rumusan mengenai Yang di-Pertuan Agong dan kaum kerabat diraja Kedah.

Turut hadir pada majlis pelancaran serta santapan malam itu ialah mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Kamaruddin Siaraf; Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar; dan Pengerusi Bernama, Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

Penulis buku tersebut diwakili suaminya Datuk Yaacob Merican.

Tuanku Abdul Halim dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong kali pertama pada 21 Jan 1970 hingga 20 Sept 1975 semasa berusia 43 tahun.

Pada majlis itu, Seri Paduka turut memotong kek sempena ulang tahun ke 85 keputeraan baginda.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712402>